

SALAH seorang suspek (kiri) dalam kes kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah dibawa oleh anggota polis ke tempat kejadian bagi membantu siasatan di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

**TRAGEDI
KEBAKARAN
PUSAT TAHFIZ
DARUL QURAN
ITTIFAQIYAH**

Bomba sahkan pusat tahfiz sengaja dibakar

➤ Bomba dedah punca kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah disebabkan perbuatan khianat.

➤ Penggunaan petrol dan pelepasan gas LPG punca mangsa maut dalam tempoh singkat.

➤ Nyalaan api tercetus melalui petrol yang dicurahkan pada rak kasut, tuala dan dinding.

➤ Kebakaran merebak cepat ke siling dan membakar pintu masuk ke bilik asrama tingkat tiga tersebut.

➤ Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said tegaskan suspek tidak boleh dihukum mati kerana di bawah umur.

"Penemuan 20 mayat mangsa kebakaran di samping tiga yang lain secara berhimpit-himpit di sudut kanan dan kiri bilik asrama menunjukkan mereka semua terperangkap akibat api marak dengan begitu cepat."

DATUK WAN MOHD. NOR IBRAHIM
Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**BERITA PENUH
DI MUKA 4**